

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ-FREQUENTLY ASKED QUESTIONS)
JABATAN PERUBATAN REHABILITASI**

Q1 : Apakah maksud Perubatan Rehabilitasi?

A1 :Perubatan Rehabilitasi membantu seseorang yang mempunyai kelainan upaya itu mencapai tahap keupayaan yang optima (independent level) setara/bersesuaian dengan ketidakupayaan (disability) dari segi fizikal atau anatomi, batasan keadaan sekitar (enviromental limitation) dan jangkahayat serta membantu mereka untuk kembali ke komuniti.

Q2: Sejak bila terdapat perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi?

A2; Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi telah bermula di HRPZ 2 sejak tahun 2007. Pada peringkat awalnya hanyalah sebagai pesakit luar. Namun begitu sejak November 2010, wad Rehabilitasi telah dibuka dengan memuatkan 8 katil.

Q3: Bagaimanakah cara untuk mendapatkan perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi?

A3 : Anda perlu diperiksa oleh pegawai perubatan di klinik pakar HRPZ2 atau klinik kesihatan untuk mendapatkan surat rujukan ke klinik pakar perubatan rehabilitasi.

Q4: Apakah perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Perubatan Rehabilitasi?

A4: Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut;

- i. Rehabilitasi kecederaan saraf tunjang
- ii. Rehabilitasi amputee (berkaitan kudung kaki dan tangan serta melibatkan anggota palsu dan ortosis)
- iii. Rehabilitasi kanak-kanak (termasuk kerusi roda dan “seating system”)
- iv. Rehabilitasi neuro (neurorehabilitation)
- v. Rehabilitasi am

Q5: Adakah pesakit perlu dimasukkan ke wad?

A5: Rawatan boleh diberikan secara pesakit dalam atau pesakit luar bergantung kepada kes. Bagi pesakit luar temujanji diberikan secara berkala untuk mendapat rawatan. Manakala untuk pesakit dalam, setiap pesakit perlu dibuat penilaian oleh pasukan rehabilitasi sebelum dimasukkan ke wad terutamanya pesakit yang mengalami kecederaan saraf tunjang.